Jilid II
**Bil. 34**

**Hari Jumaat**
**21hb Oktober, 1988**

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT
*House of Representatives*

## PARLIMEN KETUJUH
*Seventh Parliament*

## PENGGAL KEDUA
*Second Session*

## KANDUNGANNYA


RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 6033]**

USUL:

**Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 6074]**



DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR
DATUK HAJI MUKHTAR SHAMSUDDIN, P.S.D., J.S.D., S.M.S., S.M.T., S.M.P., K.M.N., P.I.S.
KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA. MALAYSIA
1989

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG KEDUA

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N.. S.P.M.K.. D.S.D.K.. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman. DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD. S.S.D.K., S.S.A.P.. S.P.M.S.. S.P.M.J.. D.P.. D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M.. S.S.M.T.. D.U.N.M.. P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya. DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.. A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan. Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.. S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga. Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK. P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian. DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S.. A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD. S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian. DATUK SERI SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K.. D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE. D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh),

„ Menteri Luar Negeri. DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.. D.P.M.S.. S.M.T.. P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan. DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N.. P.J.K.. J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.D., P.N.B.S., K.M.N. (Plllai).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAPPA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbatan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

,, Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

,, Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

,, Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K,, A.M.K., J.P. (Alor Setar).

,, Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL Rosu BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

,, Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).

„ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

,, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

,, Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO ALIAS BIN MD. Au, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

,, Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

,, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULETMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

,, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENO GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., PJ.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan. DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD. D.I.M.P. (Tumpat).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat. TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

,, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BTN ABDUL KADIR (Kuantan).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

,, TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

,, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M.,. D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

,, DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

,, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

,, TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

,, TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

,, TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

,, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

,, DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

,, DATUK ABDULLAH BIN HAH AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

,, TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

,, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

,, TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

,, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

,, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

,, DR CHEN MAN HIN (Seremban).

,, TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

,, TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

,, TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).

,, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

,, DR V. DAVID (Puchong).

,, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

,, DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

,, TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

,, TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

,, TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

,, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

,, TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

,, TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

,, TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

,, TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

,, TUAN HU SEPANG (Rasah).

,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

,, TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

,, TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

,, TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

,, TUAN JIMBUN ANAK PUNGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).

,, TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

,, DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

,, DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).

,, TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

,, TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

,, TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

,, TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

,, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

,, TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

,, DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

,, TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

,, PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

„ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

„ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).

„ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

„ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI An, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

,, TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

„ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

„ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

„ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).

„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

„ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., PJ.M. (Balik Pulau).

,, TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).

„ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

,, TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

,, TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

„ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

„ TUAN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.S., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.K.L... K.S.I.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

,, TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

,, TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

,, DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

,, TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

,, TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

,, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

,, DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

,, 'TuAN P. PATTO (Ipoh).

,, TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

,, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

,, TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

,, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

,, DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

,, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

,, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

,, DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

,, DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

,, TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

,, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

,, PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

,, TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

,, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).

,, TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

,, DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).

,, TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).

,, TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

,, TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

,, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

,, TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

,, DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

,, TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abdul Samad.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT

**Jumaat, 21hb Oktober, 1988**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempenge-rusikan Mesyuarat)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

*4.00 ptg.* **Bacaan Kali Yang Kedua**

*4.00 ptg.*

**Menteri Kewangan (Dato' Paduka Daim Zainuddin):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan pada kali yang kedua.

Pendahuluan

Tahun 1988 adalah satu tahun yang sangat bererti bagi ekonomi Malaysia. Kira-kira setahun selepas saya mengambilalih jawatan Menteri Ke-wangan, kemelesetan ekonomi mula melanda negara. Tetapi berkat dari kerjasama semua pihak yang taat setia, kita telah dapat mengatasi pelbagai cabaran, sehingga berjaya mewujudkan satu kedudukan ekonomi yang menyakinkan. Sebelum ini, ada pihak-pihak yang membuat ramalan bahawa ekonomi negara akan terus merosot, dan prospek pemulihan adalah gelap. Jelas kepada kita bahawa ramalan-ramalan. ini semuanya salah. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua golongan yang setia, yang telah bekerjasama dengan Kerajaan, dalam menghadapi cabaran-cabaran yang timbul dan memberi sumbangan tehadap pemulihan ekonomi.

Semasa membentangkan ucapan Belanjawan pada tahun lalu, saya telah menyatakan bahawa rakyat Malaysia bolehlah mengharapkan prestai ekonomi yang lebih baik. Syukur Alhamdullillah, pertumbuhan eiconomi pada tahun ini, adalah lebih tinggi dari apa yang dijangkakan.

Ekonomi Malaysia

Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar, atau KDNK, dijangka mencapai 7.4 peratus pada tahun 1988. Semua sektor ekonomi akan menyumbangkan terhadap pertumbuhan ini. Sektor-sektor perkilangan, perlombongan dan perkhidmatan, dijangka menunjukkan prestasi yang baik, manakala sektor pembinaan yang telah merosot selama tiga tahun yang lepas, akan meng-alami pertumbuhan yang agak meng-galakkan.

Harga-harga barang utama yang telah naik semenjak penghujung tahun 1987 masih berada pada paras yang tinggi, berikutan dari permintaan luar negeri yang kukuh. Harga getah telah meningkat dengan pesat, dan dijangka mencapai paras purata 315 sen sekilo dalam tahun ini. Harga susu getah

pula terus menikmati premium di pasaran, olch karana permintaan yang tinggi terhadap barang-barang yang dibuat dari hahan tersebut. Harga purata minyak kelapa sawit dianggarkan berada pada paras 1,000 ringgit setan metrik dalam lahun ini. Harga yang tinggi bagi getah dan minyak kelapa sawit telah meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil, peneroka-peneroka dan pekerja-pekerja ladang.

Malimgnya akhir-akhir ini harga minyak mentah telah turun dengan banyak, berikutan dari keadaan bekalan yang berlebihan dan tidak stabil. Stetelah mengambilkira kejatuhan harga baru-baru ini, paras purata harga minyak mentah dianggarkan 16 dolar Amerika Syarikat setong bagi seluruh tahun ini, berbanding dengan 18 dolar tahun lalu.

Walau bagaimanapun. permintaan terhadap barang-barang perkilangan kita adalah menggalakkan. Oleh itu, eksport barang-barang perkilangan dijangka meningkat sebanyak 30 peratus dalam tahun ini. Dengan permintaan eksport yang kukuh serta permintaan dalam negeri yang meningkat, sektor perkilangan akan terus menjadi sektor yang terbesar dalam ekonomi negara. Kajian-kajian menunjukkan bahawa operasi sektor pcrkilangan berada pada paras yang tinggi, dan pelaburan tambahan dijangka meningkatkan keupayaan pengeluaran.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan meluas ini. adalah kerana permintaan luar negeri yang tinggi, dan tindakan-tindakan tegas dan berkesan yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki prestasi ekonomi. Keputusan untuk membenarkan pegangan ekuiti asing yang lebih tinggi di dalam syarikat-syarikat yang beroperasi di negara ini, serta langkah-langkah bagi mengurangkan kos perniagaan, mempercepatkan urusan memproses permohonan pelaburan dan mengurangkan kos pinjaman. telah meningkatkan keyakinan, dan menggalakkan pelaburan di Malaysia. Kerajaan-kerajaan Negeri telah juga bersama-sama berusaha memperbaiki intrastruktur. dan mempercepatkan urusan memproses permohonan pelaburan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri atas kerjasama ini. Berikutan dari langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. pelaburan swasta dijangka akan menunjukkan pemulihan yang kuat. dan berkembang pada kadar 15 peratus dalam tahun 1988. berhanding dengan 4 peratus pada tahun lalu.

Kedudukan imbangan pembayaran dijangka terus kukuh. dengan lebihan akaun semasa sebanyak 3 ribu juta ringgit. Walau bagaimanapun. paras lebihan ini adalah lebih rendah. berbanding dengan 6 ribu juta ringgit pada tahun lalu. Ini adalah kerana kenaikan import yang tinggi. terutamanya import barang-barang pelaburan. Paras rizab luar negeri adalah tinggi dan memuaskan. Nilai ringgit puta terus siabil berbanding dengan sekumpulan komposit matawang negara-negara asing.

Dengan prestasi eksport dan kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan telah bertambah baik. Sukacita saya melaporkan bahawa Akaun Semasa Belanjawan akan mencatatkan sedikit lebihan pada tahun ini, berbanding dengan detisit yang besar sebanyak 2 ribu juta ringgit pada tahun lalu,

**Prospek Jangkamasa Pertengahan**

Tuan Yang di-Pertua. pemulihan ekonomi yang kukuh dalam tahun 1988 dijangka berterusan ke tahun 1989. Dengan itu, paras kegiatan ekonomi yang tinggi dijangka dapat

dikekalkan pada tahun hadapan. Walaupun kita yakin tentang prospek ekonomi tahun hadapan. namun begitu, pertumbuhan pada tahun berikutnya akan juga bergantung kepada perkembangan di dalam ekonomi dunia. Pada masa ini, ekonomi dunia diramalkan tidak dapat mengekalkan pertumbuhan yang dialami sekarang, oleh kerana tekanan inflasi dan kenaikan kadar faedah di negara-negara perindustrian. Oleh itu, permintaan terhadap eksport negara mungkin terjejas, dan harga-harga eksport barangan utama akan jatuh sedikit.

Dengan pemulihan sektor swasta dan keyakinaan yang lebih oleh pelabur-pelabur tempatan dan asing terhadap prospek ekonomi, pelaburan swasta, sebagaimana yang diharapkan, telah memainkan peranan yang lebih penting di dalam perkembangan ekonomi negara. Pertumbuhan yang berasaskan perlaburan ini akan membolehkan ekonomi berkembang pada kadar yang memuaskan, dalatn dua tiga tahun yang akan datang.

Walau bagaimanapun, oleh kerana paras harga-harga eksport yang ada sekarang dijangka tidak dapat dipertahankan, pertumbuhan hasil akan terjejas. Dengan itu, Kerajaan perlu meneruskan usaha-usaha mengawasi perbelanjaan untuk mengurangkan defisit belanjawan dan pinjaman sektor awam, ke paras yang munasabah.

Selaras dengan ini, peruntukan tambahan di dalam perbelanjaan pada masa hadapan hanya dapat diluluskan secara terpilih dan berhati-hati. Saya sedar bahawa lebih banyak peruntukan diperlukan untuk memaju dan membaiki sistem infrastuktur dan kemudahan awam. Kemudahan-kemudahan ini adalah penting untuk memenuhi keperluan ekonomi, serta meningkatkan perkembangan kegiatan sektor swasta. Tetapi peruntukan tambahan untuk tujuan ini hanya dapat dibuat dengan mengurangkan perbelanjaan untuk tujuan-tujuan yang lain. Oleh itu, Kerajaan akan mengkaji semula semua program dan projek, terutamanya perbelanjaan yang diperuntukkan kepada badan-badan berkanun, dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan, atau PABK. Jika badan-badan ini kurang bergantung kapada Kerajaan Persekutuan, lebih banyak peruntukan boleh disalurkan kepada projek-projek yang dapat memberi faedah secara langsung kepada peningkatan taraf sosio ekonomi rakyat.

**Strategi Belanjawan 1989**

Tuan Yang di-Pertua, Strategi Belanjawan 1989 adalah dirancangkan untuk mengekal dan mengukuhkan proses pemulihan ekonomi negara. Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha penyesuaian yang diperlukan untuk mengambil kesempatan daripada asas perkembangan ekonomi yang semakin kukuh.

Strategi Betanjawan 1989, adalah seperti berikut:

(i) menyusun semula sistem cukai;

(ii) meningkatkan peranan sektor swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan pengangguran; dan

(iii) meneruskan dasar jimat-cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam.

**Menyusun Semula Sistem Cukai**

Sejak beberapa tahun yang lalu, keupayaan sistem cukai untuk mengutip hasil yang mencukupi, telah berkurangan, akibat dari pengecualian dan pelepasan-pelepasan yang liberal. Tambahan pula, asas sistem cukai

telah menjadi semakin sempit, di mana satu pertiga hasil adalah berpunca dari cukai yang berkaitan dengan petroleum. Setelah mengambil kira perkembangan-perkembangan semasa, tibalah masanya kita menyusun semula sistem cukai, untuk memastikan ianya dapat menyumbangkan hasil yang mencukupi bagi membiayai perbelanjaan awam. Di samping itu, struktur sistem cukai perlu diubahsuaikan untuk menentukan ianya lebih menarik kepada pelabur dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Langkah-langkah yang dicadangkan untuk menyusun semula sistem cukai dalam jangkamasa pendek dan sederhana adalah seperti berikut:

(i) mengurangkan cukai-cukai langsung;

(ii) mengkaji semula pelepasan-pelepasan dan potongan-potongan cukai yang ada, yang diberi kepada syarikat-syarikat di bawah Akta Cukai Pendapatan;

(iii) memperkenalkan pelepasan cukai yang khusus untuk menggalakkan pertumbuhan kegiatan-kegiatan ekonomi baru dan yang berisiko tinggi;

(iv) mengkaji semula galakan-galakan cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan. Walau bagaimanapun, galakan-galakan cukai yang penting akan dikekalkan; dan

(v) meluaskan skop cukai jualan secara berperingkat-peringkat untuk menambah bilangan barang-barang yang kurang penting yang diliputi oleh cukai jualan.

Penyusunan semula sistem cukai yang saya nyatakan tadi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, untuk menjamin peralihan yang licin ke arah satu sistem yang lebih berkesan. Ini adalah bagi mempastikan sistem cukai dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pada masa yang sama menambahkan hasil negara. Untuk Belanjawan ini, saya mencadangkan langkah-langkah berikut:

**Pengurangan Kadar Cukai Syarikat**

Di dalam Belanjawan yang lalu, saya telah mengumumkan bahawa satu kajian akan dibuat ke atas struktur cukai syarikat, untuk mengurangkan kadarnya. Sekarang saya bercadang mengurangkan kadar cukai syarikat daripada 40 peratus kepada 35 peratus, *(Tepuk)* berkuatkuasa dari tahun taksiran 1989. Walau bagaimanapun, pengurangan kadar cukai syarikat tidak akan dipanjangkan kepada syarikat-syarikat petroleum di bawah Akta Cukai Pendapatan Petroleum 1967.

**Memansuhkan Cukai Pembangunan**

Selaras dengan keperluan untuk mewujudkan kadar cukai yang kompetitif, saya mencadangkan supaya cukai pembangunan sebanyak 5 peratus yang dikenakan ke atas syarikat, dimansuhkan *(Tepuk)* secara beransur-ansur dengan pengurangan sebanyak 1 peratus mulai tahun taksiran 1990.

Pengurangan kadar cukai syarikat dan penghapusan secara beransur-ansur cukai pembangunan dan galakan-galakan lain yang diberi, akan menjadikan kadar cukai di Malaysia, sebagai salah satu daripada yang terbaik di rantau ini. Ini diharap akan menarik lebih banyak pelaburan dan menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

**Perbelanjaan Keraian**

Di dalam membuat kajian semula ke atas struktur cukai syarikat, Kerajaan telah memutuskan untuk

mengurangkan perbelanjaan yang dibenarkan di dalam pengiraan pendapatan bercukai. Pada masa ini, perbelanjaan keraian, termasuk elaun keraian, dibenarkan ditolak sepenuhnya daripada pendapatan syarikat di dalatn pengiraan pendapatan yang dikenakan cukai. Saya mencadangkan supaya perbelanjaan keraian dan elaun keraian yang dibayar kepada pekerja, tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan syarikat. Walau bagaimanapun, beberapa kategori perbelanjaan keraian yang lain masih lagi dibenarkan sebagai potongan.

**Tambang Percuma**

Pada masa ini, kos tambang percuma yang disediakan kepada pekerja-pekerja, sekali setahun bagi perjalanan ke tuar negeri, dan maksimum tiga kali setahun bagi perjalanan tempatan, dibenarkan sebagai potongan kepada majikan dalam pengiraan pendapatan yang diselaraskan. Saya mencadangkan supaya perbetanjaan tambang percuma yang dibelanjakan oleh syarikat tidak lagi dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan.

**Pindaan Kepada Akta Cukai Pendapatan Petroleum 1967**

Adalah perlu untuk meminda beberapa peruntukan di dalam Akta Cukai Pendapatan Petroleum dengan tujuan menyelaras dan memperbaiki pentadbiran cukai. Selaras dengan tujuan ini, saya mencadangkan supaya cukai dikenakan secara berasingan ke atas pendapatan yang diperolehi daripada tiap-tiap satu perjanjian petroleum.

Bagi membolehkan syarikat-syarikat petroleum menghapuskira perbelanjaan yang layak, berhubung dengan usaha mencarigali dan dengan izin "secondary recovery" dengan kadar yang lebih cepat lagi, saya mencadangkan dua perubahan. Elaun tahunan bagi perbelanjaan mencarigali yang layak, dinaikkan daripada kadar 5 peratus sekarang kepada 15 peratus. Elaun tahunan perbelanjaan modal yang layak, dengan izin bagi "secondary recovery" pula akan dinaikkan daripada 6 peratus kepada 10 peratus.

Selain daripada itu, beberapa manfaat yang dinikmati oleh syarikat-syarikat di bawah Akta Cukai Pendapatan akan dilanjutkan kepada syarikat-syarikat di bawah Akta Cukai Pendapatan Petroleum. Selaras dengan ini, saya mencadangkan supaya potongan dua kali bagi bayaran gaji kepada pekerja-pekerja cacat dan bayaran premium insurans ke atas barang-barang yang diimport, jika insuran itu diambil daripada syarikat yang berdaftar di Malaysia, diperluaskan kepada syarikat-syarikat petroleum. Saya juga mencadangkan supaya bayaran yang dibuat kepada Tabung Penyelidikan Petroleum, dibenarkan sebagai potongan.

**Potongan Untuk Bayaran Bonos**

Pada masa ini, bayaran bonos oleh syarikat sehingga maksimum 1,000 ringgit atau 2 bulan gaji, mana-mana yang lebih tinggi, adalah dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan yang diselaraskan. Saya mencadangkan supaya potongan untuk bayaran bonos dipinda seperti berikut:

(i) had maksimum sekarang, sebanyak 1,000 ringgit, dinaikkan kepada 2,000 ringgit; atau

(ii) 2 bulan gaji yang boleh ditambah tidak melebihi dua kali ganda, peratus kenaikan keuntungan bersih,

mengikut yang mana lebih tinggi.

Cadangan ini akan membolehkan majikan membayar bonos berdasarkan kepada prestasi syarikat,

dan mendorong pekerja-pekerja untuk meningkatkan daya pengeluaran.

**Pengecualian Institusi-Institusi Amal**

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, oleh kerana perundangan berkenaan adalah tidak begitu jelas, beberapa badan sukarela yang menjalankan aktiviti amal telah menganggap diri mereka dikecualikan dari cukai. Untuk memastikan badan-badan berkenaan sebenarnya memenuhi objektif mereka sebagai institusi amal dan untuk mengurangkan penyalahgunaan, saya mencadangkan supaya semua institusi amal mestilah memohon dari Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mendapat taraf pengecualian cukai. Untuk menikmati pengecualian ini, semua institusi amal mestilah metn-belanjakan sekurang-kurangnya 70 peratus daripada pendapatannya bagi tujuan amal. Pengecualian cukai akan hanya diberi kepada institusi-institusi amal yang ditubuhkan di Malaysia dan yang menjalankan kegiatan-kegiatan amal di negara ini sahaja.

**Cukal Pegangan Ke atas Faedah**

Pada masa ini, faedah yang diperolehi daripada simpanan tetap yang disimpan di institusi-institusi kewangan, yang tempoh matangnya melebihi 12 bulan adalah dikecualikan daripada cukai. Pengecualian ini telah menimbulkan layanan cukai yang berbeza ke atas pendapatan faedah yang diperolehi daripada simpanan tetap yang mempunyai tempoh matang yang berlainan. Untuk menghapuskan perbezaan ini, saya mencadangkan supaya faedah ke atas simpanan tetap melebihi dua belas bulan, dikenakan cukai pegangan sebanyak 5 peratus. Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak akan melibatkan pendapatan faedah dari stmpanan dengan Bank Simpanan Nasional dan Lembaga Urusan Tabung Haji. Selain daripada itu, pengecualian cukai yang dinikmati oleh bukan pemastautm dikekalkan, untuk menggalak kemasukan modal ke negara ini.

**Kajian Semula Ke atas Galakan-galakan Cukai**

Salah satu tujuan utama penyusunan semula sistem cukai ialah untuk menyelaraskan galakan-galakan cukai, sesuai dengan usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan, tanpa menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan. Walaupun beberapa perubahan dicadangkan ke atas galakan-galakan cukai, kesemua galakan utama seperti Galakan Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan dan beberapa bentuk potongan dua kali akan dikekatkan. Dengan itu, galakan-galakan yang diberikan oleh Kerajaan akan tetap menarik kepada pelabur. Memandangkan kepada cadangan pengurangan beberapa cukai ke atas syarikat, saya mencadangkan perubahan-perubahan ke atas galakan cukai seperti berikut:

(i) bagi syarikat-syarikat yang memohon taraf perintis selepas hari Belanjawan, elaun modal hendaklah digunakan datam tempoh masa taraf perintis. Sebarang elaun modal yang tidak digunakan, tidak akan dibenarkan dibawa kehada-pan;

(ii) elaun eksport sebanyak 5 peratus yang diberikan berdasarkan nilai eksport kepada syarikat perdagangan dan pertanian di bawah Akta Penggalakan Pelaburan dihapuskan; dan

(iii) tempoh elaun susutan diper-cepatkan yang akan tamat pada akhir tahun 1988 tidak akan dilanjutkan.

**Pengenaan Semula Cukai Jualan Ke atas Beberapa Jenis Barang**

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan yang lepas, saya telah mengumumkan dua perubahan kepada sistem cukai jualan. Pertama ialah untuk memperluaskan skop cukai tersebut dengan mengenakan semula cukai jualan ke atas beberapa jenis barang makanan,bahan-bahan binaan, barang-barang separuh siap dan barang-barang kurang penting. Kedua ialah untuk memperketatkan lagi pentadbiran cukai jualan dengan menghadkan kemudahan mendapat bahan-bahan mentah dan komponen-komponen bebas dari cukai, kepada pengilang-pengilang yang mengeluarkan barang-barang yang tertakluk kepada cukai jualan sahaja. Walaupun langkah-langkah tersebut telah dilaksanakan, adatah dirasakan bahawa skop cukai ini masih lagi sempit. Oleh yang demikian, saya bercadang mengenakan cukai jualan pada kadar 5 peratus ke atas beberapa barang makanan dan bahan-bahan binaan yang kurang penting. Pengenaan cukai ini tidak akan menjejaskan harga rumah kos rendah dan barang-barang eksport kita, kerana semua barang untuk dieksport akan terus dikecualikan dari cukai jualan. Pengilang-pengilang kecil juga akan dikecualikan dari cukai ini.

**Cukai Pertambahan Nilai (VAT)**

Pengurangan cukai-cukai langsung yang saya cadangkan akan mengakibatkan kehilangan hasil yang besar, Oleh kerana perbelanjaan mengurus dan pembangunan bertambah tiap-tiap tahun, kita tidak mempunyai alternatif melainkan mengambil tindakan untuk memperkukuhkan punca-punca hasil negara. Skop cukai jualan yang ada sekarang adalah terhad. la juga mempunyai beberapa kebocoran yang menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil yang besar. Di beberapa buah negara, kelemahan ini diatasi dengan memperkenalkan Cukai Pertambahan Nilai, dengan izin, "Value Added Tax" atau VAT. VAT adalah suatu cukai yang saksama dan tuas asasnya. Kini, la dilaksanakan di 39 buah negara. Kadar dan skop cukai ini boleh dirangka bagi menentukan ia tidak memberi kesan yang besar ke atas harga barang-barang pengguna. Peruntukan-peruntukan tertentu boleh dibuat untuk mempastikan kumpulan yang berpendapatan rendah dan peniaga-peniaga kecil tidak akan dibebankan dengan cukai ini. Walau bagaimanapun, beberapa implikasi perlu dikaji sebelum Kerajaan membuat keputusan tentang cukai pertambahan nilai atau VAT, untuk menggantikan cukai jualan.

**Pengurangan Tarif Perlindungan bagi Beberapa Jenis Industri**

Sejak beberapa tahun yang lalu, dalam membangunkan sektor perindustrian, perlindungan tarif dalam bentuk duti import yang tinggi telah diberikan kepada beberapa industri, untuk membantu mereka di peringkat awal operasi. Adatah dirasakan bahawa beberapa industri telah menikmati perlindungan tarif terlalu lama. Ini telah mengakibatkan industri-industri tersebut menjadi tidak cekap. Oleh itu, sebagaj langkah meningkatkan kecekapan, adalah perlu dikaji semula kedudukan industri-industri yang telah menikmati perlindungan tarif 50 peratus dan ke atas dan melebihi 10 tahun. Saya mencadangkan duti-duti import dikurangkan antara 20 peratus hingga 87 peratus ke atas beberapa barangan perkilangan yang terlibat seperti basikal, coklat, biskut, dan minuman ringan. Mengenai industri-industri lain, saya ingin menegaskan bahawa perlindungan yang diberikan kepada mereka akan juga dikaji semula dan di mana perlu, tindakan akan diambil untuk mengurangkan duti import kepada paras yang berpatutan.

Masanya telah tiba bagi industri-industri ini menjadi lebih kompetitif dan mendapat pasaran yang lebih besar di luar negeri. Setelah diberi perlindungan tarif selama sepuluh tahun, tidak ada sebab mengapa perlindungan yang begitu tinggi perlu diteruskan.

**Meningkatkan Peranan Sektor Swasta**

Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta telah menyambut baik dayausaha dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Saya bercadang menambahkan gatakan kepada sektor swasta untuk memperluaskan lagi peranannya dalam sektor perkilangan, pertanian dan pcmbinaan.

**Perbelanjaan Modal bagi Projek-Projek Pertanian**

Adalah perlu bagi Malaysia menerokai tanaman baru dan mempelbagaikan kegiatan ekonomi. Ini akan memperluaskan asas pertanian dan menggalakkan syarikat-syarikat untuk mengusahakan bidang pertanian secara komersial dan besar-besaran. Bagi mencapai matlamat ini, perbelanjaan modal bagi projek pertanian yang diluluskan akan dibenarkan sebagai potongan daripada lain-lain punca pendapatan. Layanan cukai yang istimewa bagi projek-projek pertanian yang diluluskan ini adalah tertakluk kepada jangkamasa dan luas kawasan pengeluaran yang tertentu.

**Galakan-galakan kepada Syarikat-syarikat Pembinaan**

Permintaan yang lembap telah mewujudkan keupayaan yang berlebihan dalam industri pembinaan. Sungguhpun keadaan sekarang adalah bertambah baik, lebihan keupayaan ini mungkin dapat digunakan sepenuhnya, jika syarikat-syarikat pembinaan menjalankan projek-projek di luar negeri.

Pada masa ini, pendapatan yang diperolehi dari luar negeri dan dibawa masuk ke negara ini, tidak diberi sebarang layanan istimewa. Bagi mendorongkan syarikat-syarikat pembinaan untuk bergiat di luar negeri, dan menggalakkan mereka membawa balik pendapatan yang diperolehi itu ke Malaysia, saya bercadang supaya pendapatan tersebut diberikan potongan sebanyak 50 peratus. Pendapatan yang diberi potongan itu akan dikecualikan daripada cukai pendapatan dan cukai pembangunan. Sebarang dividen yang dibayar oleh syarikat daripada pendapatan yang tidak dicukai, akan juga dikecualikan daripada cukai. Pengecualian ini dihadkan kepada projek-projek pembinaan luar negeri yang dilaksanakan mulai dari Hari Belanjawan hingga tahun 1993 dan jika pendapatannya dibawa masuk dalam tempoh lima tahun dari permulaan projek-projek tersebut.

**Akta Cukai Pemindahan Syer Dimansuhkan dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah Dipinda**

Saya bercadang untuk memansuhkan Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah). Akta ini telah diperkenalkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah di mana syarikat berasaskan tanah telah menjual syer dalam syarikat untuk mengelak daripada membayar cukai keuntungan harta tanah. Bagi mengatasi masalah ini, saya bercadang meminda peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah. Pindaan-pindaan ini tidak begitu ketat berbanding dengan

peruntukan-peruntukan di bawah Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) dan diharap akan mendorong perkembangan pasaran harta.

**Galakan-galakan Cukai bagi Industri kecil**

Perkembangan industri kecil adalah penting untuk pembangunan perindustrian dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Industri kecil layak mendapat beberapa galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Untuk mendorongkan lagi pelaburan dalam sektor ini, saya mencadangkan:

(i) industri kecil yang memenuhi kriteria tertentu diberi taraf perintis;

(ii) elaun pelaburan semula dinaikkan dari 40 peratus kepada 50 peratus;

(iii) duti import keatas bahan mentah, komponen, mesin dan kelengkapan dikecualikan sepenuhnya;

(vi) potongan daripada pendapatan dibenarkan kepada syarikat-syarikat besar yang membeli komponen daripada syarikat-syarikat kecil. Potongan ialah 5 peratus pendapatan larasan atau 5 peratus nilai komponen yang dibeli, mengikut mana yang lebih rendah; dan

(v) potongan dua kali dibenarkan bagi kos latihan yang dibelanjakan di Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC), Institut Penyelidikan Perindustrian dan Piawaian Malaysia (SIRIM), Institut Teknologi Mara (ITM) dan Institut Penyelidikan Pertanian dan Pembangunan (MARDI).

**Pembiayaan Industri Kecil dan Sederhana**

Salah satu daripada masalah besar yang dihadapi oleh industri kecil dan sederhana, ialah kesukaran mendapat pembiayaan dengan syarat-syarat yang berpatutan. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan sedang menyediakan satu skim pinjaman di bawah Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun atau AJDF untuk membantu industri-industri kecil dan sederhana mendapat kredit, dengan syarat-syarat yang menarik melalui Syarikat Kewangan Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDF), Bank Pembangunan, Bank Kemajuan Perusahaan dan Bank Pertanian. Malaysia adalah negara pertama dalam ASEAN yang diluluskan oleh Kerajaan Jepun untuk metaksanakan skim ini dan diperuntukkan kira-kira 890 juta ringgit. Had pinjaman ialah 20 juta ringgit. Tetapi keutamaan akan diberi kepada pinjaman yang tidak melebihi 5 juta ringgit. Saya yakin bahawa skim ini dapat dilaksanakan oleh institusi-institusi kewangan kita dengan secepat mungkin.

Untuk menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana, Perbadanan Jaminan Kredit atau CGC pada masa ini sedang mengkaji skim-skim jaminan, dengan tujuan menyatukannya di bawah satu skim sahaja. Salah satu daripada tujuan skim baru ini ialah untuk menolong peminjam-peminjam kecil yang tidak mempunyai jaminan ataupun mempunyai jaminan yang tidak mencukupi. Penyusunan semula ini dijangka akan mewujudkan satu skim baru yang bukan sahaja lebih menarik kepada peminjam-peminjam, tetapi juga menggalakkan bank-bank untuk memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat yang kecil.

**Galakan-galakan Cukai Kepada Ibu Pejabat Operasional**

Di dalam mengkaji bidang-bidang baru untuk mengukuhkan ekonomi negara, kita sepatutnya mengambil kesempatan minat yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat multinasional untuk melabur di kawasan Asia-Pasifik. Banyak pelabur asing kini sedar bahawa Malaysia adalah antara negara yang paling murah dan menarik untuk menjalankan perniagaan. Dengan itu, bagi menarik syarikat-syarikat ini ke Malaysia, untuk mengendali dan menyediakan rangkaian perkhidmatan kepada anak-anak syarikat mereka di rantau ini, saya mencadangkan supaya galakan-galakan cukai disediakan bagi penubuhan ibu pejabat operational. Galakan-galakan ini sedang dirangka dan akan diumumkan sedikit masa lagi. Penubuhan ibu pejabat operational dijangka dapat memberi faedah kepada negara, termasuk pertambahan pelaburan dan penyediaan peluang-peluang pekerjaan.

**Pembangunan Pasaran Modal**

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memesatkan pertumbuhan sektor swasta, Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk membangunkan pasaran modal bagi memberi peluang yang lebih luas untuk menggerakkan kumpulanwang yang dapat dilaburkan. Pada masa ini, kebanyakan pelaburan dalam pasaran modal tertumpu kepada sekuriti koporat. Untuk memberi pilihan pelaburan yang luas kepada pelabur-pelabur, adalah perlu lain-lain sektor pasaran modal digalakkan. Sebuah pasaran modal yang lebih dipelbagaikan, akan mewujudkan satu sistem kewangan yang stabil.

Untuk mencapai hasrat ini, Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan sebuah pasaran peringkat kedua, dengan izin "secondary market" yang aktif untuk sekuriti Kerajaan. Kerajaan juga sedang mengkaji semula undang-undang duti setem untuk mengambilkira perkembangan-perkembangan terbaru di dalam pasaran kewangan dan modal. Sebagai tambahan, saya juga bercadang mengambil beberapa tindakan lain:

**Bon Koporat**

Pasaran bon koporat sedang berkembang dengan perlahan, berbanding dengan perniagaan sekuriti-sekuriti Kerajaan yang aktit. Untuk menggalakkan pasaran bon koporat yang aktif, saya mencadangkan supaya semua duti setem di atas bon-bon koporat dikecualikan. Pengecualian duti setem akan menjadikan pasaran bon-bon koporat lebih kompetitif, seperti pasaran sekuriti-sekuriti Kerajaan dan lain-lain instrumen kewangan.

**Amanah-Amanah Unit Saham**

Dalam usaha untuk memajukan suatu pasaran modal yang lebih luas, Kerajaan akan menggalakkan pertumbuhan unit-unti saham amanah, sebagai satu cara menggerak dan melaburkan kumpulanwang.

Di bawah undang-undang yang sedia ada, keuntungan yang didapati daripada penjualan dan pembelian saham-saham adalah dianggap sebagai pendapatan perniagaan, dan dikenakan cukai pendapatan syarikat.

Pengenaan cukai ke atas keuntungan dianggap sebagai suatu halangan kepada perkembangan amanah-amanah unit saham di negara ini. Oleh itu, tindakan akan diambil untuk meminda perundangan berkenaan, supaya keuntungan dari penjualan saham tidak dianggap

sebagai pendapatan perniagaan dan dengan itu tidak dikenakan cukai pendapatan.

**Amanah-Amanah Unit Harta Tanah**

Layanan yang sama juga akan diberi kepada amanah-amanah unit harta tanah bagi keuntungan yang diperolehi dari pembelian dan penjualan harta tanah. Pendapatan dari keuntungan ini tidak akan dikenakan cukai pendapatan syarikat. Sebaliknya ia akan dikenakan cukai keuntungan harta tanah di mana kadarnya adalah lebih rendah.

Garispanduan mengenai penubuhan dan pengurusan kumpulanwang amanah-amanah unit saham dan kumpulanwang amanah-amanah unit harta tanah sedang dikaji semuta untuk menggalakkan perkembangannya. Garispanduan untuk menyenaraikan amanah-amanah harta tanah di Bursa Saham Kuala Lumpur juga sedang disediakan.

**Syarikat-Syarikat Modal Usaha**

Kerajaan menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat modal usaha, dengan izin "venture capital", bagi menggerakkan kumpulanwang untuk dilaburkan dalam bidang perniagaan baru. Bagi memesatkan kemajuan dalam hal ini, saya bercadang meminda semula undang-undang yang berkenaan, supaya memberikan layanan cukai yang akan menggalakkan perkembangan syarikat-syarikat ini.

**Skim Pembiayaan semula Kredit Eksport (PKE)**

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk menggalakkan eksport. Langkah-langkah ini akan diteruskan dengan memberi tumpuan terhadap memperbaiki kemudahan yang boleh didapati oleh pengusaha-pengusaha kecil dan pengeksport-pengeksport baru untuk mendapat pembiayaan dari bank. Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport yang telah diperbaiki dan dilaksanakan secara terhad, telah pun memberi kemudahan pembiayaan yang bertambah baik kepada pengeksport-pengeksport terus dan juga pengusaha-pengusaha yang menghasilkan keluaran untuk dieksport. Skim ini akan diperluaskan kepada lebih ramai pengeksport, terutamanya pengeksport baru dan pengusaha-pengusaha yang menyediakan keluaran untuk dieksport, yang tidak mempunyai sandaran bank yang mencukupi. Pada masa yang sama, tindakan sedang diambil bagi memperbaiki Skim Jaminan Kredit Eksport untuk menjayakan skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport.

**Insentif untuk Pekerja-pekerja Teknikal dan mahir**

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita sekarang berada di era perindustrian yang sedang meningkat, kita perlulah memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada pekerja-pekerja dalam perkhidmatan teknikal dan juga perkhidmatan "kolar biru". Justeru itu, Kerajaan telah bersetuju untuk -melaksanakan skim perkhidmatan dan tanggagaji yang baru bagi pekerja-pekerja dalam perkhidmatan ini, untuk menjadikannya lebih kemas dan menarik. Dengan pengiktirafan yang diberikan kepada pekerja-pekerja dalam perkhidmatan ini, Kerajaan percaya bahawa ia akan menjadi suatu insentif bagi pelajar-pelajar dan pekerja-pekerja dalam bidang teknikal untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran yang diperlukan. Kerajaan menghargai sumbangan perkhidmatan teknikal kepada negara. Adalah diharap kenaikan gaji yang dicadangkan ini akan mendorong mereka menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan memberi sumbangan yang lebih besar kepada negara.

Selain dari itu, untuk meningkatkan lagi produktiviti dan mutu perkhidmatan awam, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memberi insentif kewangan berdasarkan merit.

**Perubahan-perubahan kepada Undang-undang Buruh**

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa di dalam Ucapan Belanjawan 1987, saya telah menyatakan Kerajaan akan mengkaji semula undang-undang buruh untuk mengurangkan kos pengeluaran. Selepas berunding dengan pihak majikan dan pekerja-pekerja, Kerajaan telah membentangkan pindaan-pindaan kepada undang-undang buruh di sessi Parlimen ini. Saya yakin bahawa pindaan-pindaan ini akan dapat membantu mengurangkan kos, meningkatkan kecekapan dan persaingan dalam ekonomi, dan pada masa yang sama menjaga kepentingan buruh. Saya ingin menasihatkan semua pihak supaya mengawal kenaikan kos buruh. Sekiranya kos buruh meningkat tidak selaras dengan daya pengeluaran, daya persaingan akan terjejas dan pelabur-pelabur tidak akan berminat melabur di negara kita. Jika ini berlaku, sukarlah untuk mengurangkan kadar pengangguran.

Persyarikatan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua, semenjak konsep Persyarikatan Malaysia diperkenalkan, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengurang, melonggar dan memudahkan prosidur-prosidur pentadbiran. Ini telah menambahkan peningkatan kecekapan dan menjalin hubungan yang lebih baik antara sektor awam dan swasta. Panel-panel perundingan awam dan swasta yang ditubuhkan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan perlulah mengadakan perjumpaan dengan iebih kerap untuk meningkatkan lagi perhubungan antara kedua-dua sektor. Oleh kerana sektor swasta adalah penggerak utama pertumbuhan ekonomi, ianya perlu diberi kerjasama sepenuhnya untuk membolehkan sektor ini memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pembangunan ekonomi negara.

**Berjimat Cermat dalam Perbelanjaan Awam**

Beberapa pihak telah menyeru Kerajaan supaya menambahkan perbelanjaan untuk meningkatkan prestasi ekonomi. Pada pandangan saya, penambahan perbelanjaan pada ketika ini akan menjejaskan usaha-usaha mengukuhkan sektor awam. Di samping itu, ia akan memberi gambaran yang salah kepada sektor swasta terhadap matlamat dasar kewangan Kerajaan, la juga menjejaskan usaha-usaha untuk mengurangkan nisbah khidmat hutang dan hutang luar negeri kita.

Selaras dengan langkah-langkah mengukuhkan sektor awam, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak lagi akan membuat pelaburan di dalam bidang-bidang yang lebih sesuai dilaksanakan oleh sektor swasta, melainkan jika setelah dipelawa, sektor swasta tidak berminat untuk melabur di dalam bidang-bidang tersebut.

Dengan perkembangan sektor swasta yang semakin pesat, kita perlu berhati-hati supaya sektor awam tidak menggunakan sebahagian besar sumber kewangan yang diperlukan oleh sektor swasta. Oleh itu, kita perlu mengawal pertambahan hutang dalam dan luar negeri. Pada masa ini, nisbah jumlah hutang kepada Keluaran Negara Kasar masih tinggi. Adalah tidak wajar bagi kita melaksanakan sesuatu dasar yang akan membawa kepada pertarnbahan hutang.

**PERUNTUKAN BELANJAWAN 1989**

Tuan Yang di-Pertua, bagi Belanjawan tahun 1989 saya bercadang memperuntukkan sejumlah 30,165 juta ringgit untuk perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, merangkumi 22,286 juta ringgit untuk Perbelanjaan Mengurus dan 7,879 juta ringgit untuk Perbelanjaan Pembangunan. Perbelanjaan ini merupakan pertambahan sebanyak 2,044 juta ringgit atau kira-kira 7.3 peratus jika dibandingkan dengan peruntukan Belanjawan 1988.

Tambahan yang terbesar ialah bagi peruntukan pembangunan, iaitu sebanyak 14.4 peratus. Tambahan ini diperlukan bagi mempercepatkan pembangunan sosial dan ekonomi negara. Perbelanjaan mengurus hanya bertambah pada kadar 4.9 peratus sahaja, iaitu sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mengawal perbelanjaan mengurusnya.

**Akaun Semasa 1989**

Sebelum mengambilkira perubahan cukai, hasil pada tahun 1989 dijangka berjumlah 22,742 juta ringgit, atau peningkatan sebanyak 6 peratus daripada kutipan hasil yang dijangka dalam tahun 1988. Oleh kerana perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dirancang sebanyak 22,286 juta ringgit, akaun semasa dijangka akan menunjukkan lebihan sebanyak 456 juta ringgit. Tetapi setelah mengambilkira kehilangan hasil dari perubahan cukai, akaun semasa tahun 1989 akan mencatatkan lehihan sebanyak 248 juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan kesatuan-kesatuan perkhidmatan awam di atas kesabaran mereka. Kerajaan menghargai sikap bertanggungjawab ini. Oleh kerana sebelum ini kedudukan kewangan Kerajaan tidak mengizinkan, kita telah tidak dapat memberi semua pelarasan gaji yang dituntut kesatuan-kesatuan perkhidmatan awam. Kita telah hanya dapat membuat pelarasan untuk kakitangan dalam Kumpulan D dan sebahagian untuk Kumpulan C. Sekarang, prestasi kewangan Kerajaan telah bertambah baik. Oleb itu, Kerajaan akan membuat pelarasan gaji yang dipersetujui untuk Kumpulan A, B dan C. *(Tepuk)* Pelarasan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Januari, 1989. *(Tepuk)* Kerajaan telah berjanji untuk membuat pelarasan gaji apabila kedudukan kewangan Kerajaan bertambah baik. Selaras dengan komitmen ini, Kerajaan telah pun menunaikan janjinya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah melupakan janji-janjinya. *(Tepuk)*

Pelarasan gaji ini meiibatkan perbelanjaan sebanyak 289 juta ringgit. Jika pelarasan gaji yang telah dibuat untuk kakitangan kategori C dan D diambilkira, peruntukan tahunan bagi pelarasan gaji untuk seluruh kakitangan Kerajaan ialah 712 juta ringgit. Oleh kerana pelarasan gaji ini melibatkan perbelanjaan yang besar, Kerajaan tidak dapat melaksanakannya tebih awal. Kerajaan juga berasa dukacita kerana tidak mampu untuk memberi tunggakan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, akaun semasa Kerajaan Persekutuan mengalami defisit sebanyak 500 juta ringgit pada tahun 1986 dan 2 ribu juta ringgit pada tahun 1987. Lebihan yang dianggar dalam tahun 1988 dan yang dijangka pada tahun 1989 adalah kecil. Di samping itu, harga petroleum telah jatuh dengan teruk baru-baru ini ke paras 11 dolar Amerika Syarikat. Harga bagi tahun 1988 dan 1989 mungkin akan menjadi tebih rendah dari yang dianggarkan. Ini sudah tentu

akan menjejaskan kedudukan akaun semasa. Saya percaya kakitangan Kerajaan memahami keadaan ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia memberi bantuan lain. Pada masa ini, pegawai-pegawai dalam kategori A dan kategori B dikenakan kadar faedah sebanyak 5 peratus bagi pinjaman perumahan, Kadar faedah untuk pinjaman kereta ialah 6 peratus. Saya bercadang untuk mengurangkan kadar-kadar faedah ini kepada 4 peratus *(Tepuk)* untuk semua kategori kakitangan Kerajaan berkuatkuasa dari 1 Januari, 1989.

Pegawai-pegawai Kerajaan tertentu yang telah mengambil pinjaman perumahan dan berhenti dari perkhidmatan, pada masa sekarang dikenakan faedah 9 peratus untuk pinjaman yang kurang dari 100,000 ringgit, dan 11 peratus untuk pinjaman yang lebih dari jumlah ini. Saya sendiri telah beberapa kali menggesa bank-bank untuk mengurangkan kadar faedah pinjaman. Selaras dengan prinsip kepimpinan melalui teladan, saya bercadang mengurangkan kadar faedah yang dikenakan kepada 7 peratus dan 9 peratus. *(Tepuk)* Kadar baru ini berkuatkuasa dari 1 Januari, 1989.

Sekarang saya akan menyentuh beberapa perkara penting dalam cadangan perbelanjaan bagi tahun 1989.

**Perbelanjaan Mengurus**

Peruntukan perbelanjaan mengurus bagi Betanjawan tahun 1989 berjumlah 22,286 juta ringgit, iaitu bertambah sebanyak 1,050 juta ringgit, jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1988. Ini termasuk tambahan sebanyak 552 juta ringgit bagi emolumen. Pertambahan besar bagi emolumen adalah bagi pelarasan gaji kakitangan awam, di samping kenaikan gaji tahunan biasa.

Kerajaan akan berhati-hati di dalam pengambilan kakitangannya. Saiz perkhidmatan awam akan terus dikawal. Walau bagaimanapun, jika sesuatu jawatan itu perlu, dapat meningkatkan kecekapan pentadbiran dan menambahkan hasil, Kerajaan bersedia mengisi jawatan-jawatan ini. Selaras dengan ini sejumlah 18,700 jawatan kosong yang penting dan perlu akan diisi. Jawatan-jawatan ini adalah di datam perkhidmatan pendidikan, polis, kesihatan dan tentera. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dari jumlah jawatan yang akan diisi, sebanyak 60 peratus adalah untuk perkhidmatan kesihatan dan pendidikan. *(Tepuk)*

Selain dari emolumen, perbelanjaan yang terbesar dalam perbelanjaan mengurus Kerajaan ialah pembayaran faedah atas hutang negara. Jumlah yang diperuntukkan bagi maksud ini untuk tahun 1989 ialah 6,000 juta ringgit. Ini adalah satu angka yang tinggi. Perbelanjaan ini telah dapat dikawal dengan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan hutang luar negeri melalui pembayaran awal dan pembiayaan semula hutang-hutang yang mempunyai kadar faedah yang tinggi.

Untuk menentukan perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas, saya bercadang memperuntukkan sebanyak 2,701 juta ringgit bagi Perkhidmatan dan Bekalan, iaitu pertambahan sebanyak 176 juta ringgit atau 7 peratus lebih tinggi dari peruntukan 1988. Selain daripada itu, sejumlah 460 juta ringgit telah disediakan bagi menyenggara bangunan-bangunan, jalan-jalan dan lain-lain harta Kerajaan.

**Perbelanjaan Pembangunan**

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembangunan sebanyak 7,879 juta ringgit bagi tahun 1989, mengandungi 4,798 juta ringgit bagi sektor ekonomi.

1,789 juta ringgit bagi sektor sosial, 670 juta ringgit bagi sektor keselamatan dan 222 juta ringgit bagi sektor perkhidmatan am.

Pada keseluruhannya, peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan untuk tahun 1989 akan bertambah sebanyak 994 juta ringgit atau 14.4 peratus lebih tinggi dari peruntukan bagi tahun 1988. Sebahagian besar dari tambahan ini, iaitu 697 juta ringgit atau 70 peratus, adalah untuk sektor ekonomi bagi melaksanakan projek-projek penting, seperti tanaman semula getah, pembangunan tanah, jalan dan jambatan, kemudahan air dan elektrik dan kemudahan-kemudahan lapangan terbang.

Sektor sosial mendapat tambahan peruntukan sebanyak 212 juta ringgit, terutama sekali bagi projek-projek kesihatan dan pembangunan masyarakat dan kampung, jalan-jalan kampung dan pemulihan kampung.

Kerajaan akan terus memberi perhatian utama kepada projek-projek pembangunan di luar bandar. Peruntukan sebanyak 5,117 juta ringgit, atau kira-kira dua pertiga dari perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1989, telah disediakan bagi tujuan ini. *(Tepuk)*

Selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, sebanyak 1,528 juta ringgit telah disediakan bagi projek-projek membasmi kemiskinan dan 1,552 juta ringgit bagi projek menyusun semula masyarakat.

## Pertanian

Kerajaan akan memberi sokongan yang kuat kepada bidang pertanian. Peruntukan sebanyak 1,349 juta ringgit telah disediakan di bawah bidang ini bagi projek-projek pembangunan tanah, pembangunan pertanian bersepadu, bantuan dan perkhidmatan sokongan bagi projek pertanian, perikanan dan projek ternakan.

Sejumlah 521 juta ringgit telah disediakan bagi pembukaan kawasan-kawasan tanah baru, dan pemulihan tanah-tanih terbiar. Seluas 33,000 hektar kawasan-kawasan tanah baru akan dibuka oleh FELDA, manakala FELCRA dan RISDA pula akan memulihkan tanah-tanah pertanian serta tanah-tanah terbiar sejumlah 69,000 hektar. Program pembukaan tanah serta pemulihan tanah akan memberi manfaat kepada 33,200 keluarga. Bagi Lembaga-lembaga kemajuan Wilayah seperti KESEDAR, KEJORA dan KETENGAH, peruntukan sebanyak 76 juta ringgit disediakan untuk membolehkan lembaga-lembaga ini meneruskan projek-projek seperti industri kecil, tanaman kontan, dan lain-lain projek komersial yang dapat meningkatkan kemajuan ekonomi dan sosial penduduk di luar bandar.

## Perdagangan Dan Perindustrian

Sejumlah 693 juta ringgit telah diperuntukkan untuk sektor perdagangan dan perindustrian. Daripada jumlah ini, sebanyak 532 juta ringgit adalah untuk Perbadanan Industri Berat Malaysia atau HICOM, syarikat Sabah Gas Industries dan Sabah Forest Industries.

Di samping itu, perkembangan usahawan Bumiputra terus diberi keutamaan, selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi menyusun semula masyarakat. Untuk tujuan ini, peruntukan sebanyak 100 juta ringgit akan disediakan kepada Bank Pembangunan Malaysia dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

## Pengangkutan

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 1,819 juta ringgit atau kira-kira 23.1

peratus dari jumlah anggaran perbelanjaan pembangunan adatah disediakan untuk sektor pengangkutan. Dari jumlah ini, sebanyak 1,572 juta ringgit adalah bagi p mbmaan jalan dan jambatan, 111 juta ringgit bagi meningkat kemudahan-kemudahan di lapangan terbang, dan 92 juta ringgit bagi pemulihan landasan keretapi.

**Kemndahan-kemudahan Awam**

Bagi tahun 1989, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 906 juta ringgit bagi kemudahan-kemudahan awam, iaitu 748 juta ringgit untuk bekalan air dan 158 juta ringgit untuk bekalan elektrik. Kerajaan akan terus berusaha supaya lebih ramai rakyat di kawasan luar bandar dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas, untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Bagi mencapai matlamat ini, peruntukan bekalan air dan elektrik luar bandar telah ditambah dari 414 juta ringgit di dalam tahun 1988 kepada 578 juta ringgit di dalam tahun 1989. Dengan perbelanjaan ini, 64 peratus daripada penduduk luar bandar akan menikmati bekalan air dan 77 peratus akan disediakan dengan bekalan elektrik. Kerajaan juga akan menambah peruntukan program jalan-jalan luar bandar kepada 210 juta hnggit pada tahun 1989 berbanding dengan peruntukan 98 juta ringgit dalam tahun 1988. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan bagi bekalan air, elektrik dan jalan luar bandar yang telah dinaikkan dengan banyaknya dalam tahun 1989 akan dikekalkan di paras yang tinggi pada tahun-tahun yang akan datang. *(Tepuk)*

**Pendidikan**

Sebanyak 1,147 juta ringgit diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan. pendidikan termasuk pembinaan bilik-bilik darjah dan meluaskan kemudahan-kemudahan tempat belajar di pusat-pusat pengajian tinggi. Bagi tahun 1989, sebanyak 4,190 buah bilik darjah sekolah rendah, dan sebanyak 4,300 bilik darjah sekolah menengah, akan dibina.

Peruntukan sebanyak 305 juta ringgit telah disediakan bagi Program Pendidikan Tinggi supaya lebih ramai lagi belia dapat menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi. Di samping itu, bagi membolehkan lebih ramai lagi tenaga kerja mahir dikeluarkan pada setiap tahun, Kerajaan telah meyediakan peruntukan sebanyak 100 juta ringgit bagi memperluas dan meningkatkan program Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Di bawah perbelanjaan mengurus, Kerajaan telah menambahkan peruntukan bagi Progratn Kebajikan Penuntut-penuntut, termasuk perbelanjaan bagi biasiswa, pinjaman buku teks dan bantuan makanan dari 213 juta ringgit kepada 278 juta ringgit dalam tahun 1989. Tambahan peruntukan ini akan memberi faedah kepada penuntut-penuntut, khasnya mereka dari keluarga yang berpendapatan rendah.

**Kesihatan**

Penyediaan kemudahan-kemudahan kesihatan adalah satu aspek yang perlu bagi meningkatkan taraf hidup penduduk. Oleh yang demikian Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak 209 juta ringgit bagi kesihatan, termasuk peruntukan sebanyak 50 juta ringgit bagi pembinaan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa.

**Perumahan Kos Rendah**

Kerajaan Persekutuan akan terus memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam melaksanakan program rumah kos rendah untuk kumpulan berpendapatan rendah. Untuk tujuan

ini sejumlah 89 juta ringgit diperuntukkan bagi membina sebanyak 8,595 unit rumah kos rendah.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalatn pembinaan rumah kos rendah supaya lebih ramai rakyat Malaysia, khasnya mereka yang berpendapatan rendah, dapat memiliki rumah. Oleh itu, sukalah saya menyeru institusi-institusi kewangan supaya menyediakan kemudahan pembiayaan yang lebih banyak kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk membolehkan mereka membeli rumah.

**Keselamatan**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak 670 juta ringgit di bawah Sektor Keselamatan, iaitu sebanyak 357 juta ringgit bagi Pertahanan, dan 313 juta ringgit bagi Keselamatan Dalam Negeri. Peruntukan ini adalah bagi meningkat keupayaan, kemampuan dan kecekapan anggota tentera dan pasukan polis, untuk menjamin keselamatan negara.

Kerajaan perlu menambah peruntukan kepada angkatan tentera bagi menguatkan keupayaan kita mempertahankan zon ekonomi negara dan memberi perlindungan kepada para nelayan serta sumber-sumber petroleum di luar pantai. Kerajaan juga perlu meyakinkan rakyat dan pelabur-pelabur bahawa kita mempunyai kesanggupan dan keupayaan untuk mempertahankan negara dari ancaman dalam atau luar negeri.

Baru-baru ini, Kerajaan telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan British untuk membeli kelengkapan tentera. Pembelian ini akan dibiayai melalui peruntukan Belanjawan. Sejumlah 100 juta ringgit di jangka akan diperlukan bagi tahun 1989. Butir-butir perjanjian sedang dibincang dan kita akan mengenakan syarat-syarat yang tertentu mengenai perdagangan timbal balas, atau dengan izin "counter trade", bagi mempastikan pembelian kelengkapan ini akan memberi faedah kepada ekonomi negara. Pembayaran untuk alat-atat ini akan dibuat dalam tempoh sepuluh tahun. Dengan itu, ia tidak akan menjejaskan peruntukan pembangunan projek-projek yang lain.

Bagi memenuhi keperluan perumahan anggota tentera dan pasukan polis, peruntukan sebanyak 163 juta ringgit telah disediakan bagi tahun 1989 berbanding dengan 138 juta ringgit dalam tahun 1988 untuk membina rumah-rumah anggota tentera dan pasukan polis. Sehingga ini, sebanyak 54 peratus anggota pasukan polis telah diberi kemudahan perumahan, manakala bagi anggota angkatan tentera, jumlah yang mendapat kemudahan perumahan ialah 50 peratus.

Kerajaan akan berusaha mencari jalan membina lebih banyak rumah untuk pasukan tentera dan polis. Satu cara iatah dengan mengadakan projek usahasama di antara agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai tanah, dengan syarikat swasta.

**Perusabaan Awam Bukan Kewangan (PABK)**

Tuan Yang di-Pertua, Prestasi Perusahaan Awam Bukan Kewangan adalah satu perkara yang diambil berat oleh Kerajaan memandangkan kerugian yang dialami, dan keperluan Kerajaan untuk memasukkan modal baru dari masa ke semasa bagi tujuan-tujuan operasi. Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar di dalam perusahaan-perusahaan ini. Di

samping itu, Kerajaan juga telah memberi jaminan kepada pinjaman-pinjaman PABK. Sebenarnya, PABK ini merupakan masalah yang paling rumit dalam usaha memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam. Kerugian yang dialami oleh PABK tetah metemahkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan berterusan.

Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah-masalah PABK yang besar. Pengurusan Perwaja dan Proton telah pun di susun semula. Berikutan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyusun semula modal mengurangkan kos, menambahkan pengeluaran dan memperbaiki kawalan dalaman, saya yakin syarikat-syarikat ini akan dapat memperbaiki prestasi.

Bagi projek simen dan kejuruteraan dermaga perkapalan, beberapa cadangan sedang dipertimbangkan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Kesemua cadangan ini mempunyai penglibatan sektor swasta. Kerajaan dijangka akan membuat keputusan tidak lama lagi terhadap cadangan-cadangan untuk memper-baiki prestasi kewangan syarikat-syarikat ini. Berkaitan dengan Perusahaan Gas Sabah, Kerajaan sedang mengkaji laporan penswastaan yang disediakan oleh firma perundingan antarabangsa. Bagi Syarikat Sabah Forest Industries, cadangan membiayai semula pinjaman dan mengguna dengan optimum keupayaan pengeluarannya sedang dikaji.

Selain dari menyelesaikan masalah-masalah kewangan perusahaan-perusahaan yang besar, kita juga akan memberi perhatian kepada beberapa syarikat lain yang mengalami kerugian dan memerlukan perhatian segera. Walaupun kita mempunyai maklumat berkenaan syarikat-syarikat ini, analisa yang lebih terperinci adalah perlu sebelum tindakan lanjut diambil. Perkhidmatan perunding-perunding swasta akan diambil untuk mengkaji syahkat-syarikat ini. Kerajaan akan mengambil tindakan tegas dan akan terus menutup mana-mana perusahaan yang menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan. Buat sementara waktu, pengurus-pengurus perusahaan ini patutlah menunjukkan initiatif dan berusaha untuk meningkatkan prestasi sysrikat-syarikat. Pengurus-pengurus dibayar gaji yang itnggi dan elaun-elaun yang lumayan. Oleh itu, Kerajaan berharap mereka akan menunjukkan prestasi yang setimpal. Jika mereka tidak berdaya mencapai tahap tersebut mereka patut meletak jawatan atau dibuang kerja. *(Tepuk)* Ini adalah pilihan mereka.

## Dasar Kewangan

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara telah bertambah kukuh. Oleh itu, tumpuan utama dasar kewangan ialah untuk menentukan supaya keadaan kewangan keseluruhannya adalah selaras dengan tujuan mengekalkan perkembangan ini. Pada masa ini, mudahtunai bank adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan kredit bank yang meningkat. Atas desakan Kerajaan, kadar faedah pinjaman telah turun ke paras yang paling rendah dalam dua dekad. Walau bagaimanapun, permintaan pinjaman sedang bertambah. Oleh itu, kadar faedah simpanan mungkin meningkat. Dalatn hubungan ini, saya ingin menyeru institusi-institusi kewangan supaya mengekalkan kadar faedah pinjaman pada paras yang rendah. Kerajaan akan menentukan dasar kewangan akan terus membolehkan penyediaan mudahtunai bank yang secukupnya untuk membiayai perkembangan ekonomi dan mengekalkan kestabilan harga pengguna.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu peniaga-peniaga yang telah mengalami masalah kewangan aklibat kemelesetan ekonomi. Kita telah menubuhkan sebuah Tabung Pemulihan Perusahaan untuk membantu pengusaha-pengusaha bumiputera memulihkan projek-projek dan operasi mereka. Saya ingin sekali lagi menasihatkan bank-bank supaya membantu peniaga-peniaga memulihkan perniagaan yang berdaya maju. Dalam jangka panjang, sikap yang lebih positif ini akan membantu bank-bank dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

**Prospek Ekonomi 1989**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi gambaran ringkas tentang prospek ekonomi tahun 1989.

Pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian dijangka berkembang dengan sederhana sahaja, sebanyak 2.8 peratus pada tahun 1989, berbanding dengan pertumbuhan sebenar KNK sebanyak 3.8 peratus dalam tahun 1988. Selaras dengan perkembangan ini, pertumbuhan perdagangan dunia juga dijangka merosot kepada 5.4 peratus pada tahun 1989, berbanding dengan pertumbuhan 7 peratus dalam tahun 1988.

Akibat dari kadar pertumbuhan yang lebih perlahan ini, permintaan terhadap barangan utama kita dijangka tidaklah berapa pesat. Oleh itu, harga barangan utama mungkin turun ke paras yang lebih rendah dari paras harga dalam tahun 1988. Harga petroleum telah jatuh dengan ketara dalam beberapa minggu ini dan keadaan pasaran adalah sukar diramalkan. Setelah mengambilkira perkembangan ini, harga purata petroleum dianggarkan turun kepada 14 dolar Amerika Syarikat setong bagi tahun 1989. Walau bagaimanapun, jika OPEC dapat mencapai persetujuan di dalam kuota pengeluaran, dan melaksanakan persetujuan ini, harga petroleum mungkin akan meningkat. Kita berharap agar ahli-ahli OPEC dapat mencapai persefahaman di dalam hal ini.

Memandangkan perkembangan-perkembangan yang saya sebutkan tadi, ekonomi negara dijangka mencapai pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak kira-kira 6 peratus pada tahun 1989. Pertumbuhan ini dapat dipertahankan dengan adanya peningkatan nilai ditambah di dalam sektor pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Pertumbuhan sektor perkilangan dijangka akan terus menggalakkan, tetapi tidak sepesat pertumbuhan dalam tahun 1988. Harga pengguna pula dijangka meningkat sedikit, iaitu sebanyak 3 peratus. Tetapi kadar peningkatan ini masih sederhana. Kerajaan akan berusaha untuk mengawal peningkatan harga ke paras yang sederhana.

Akaun semasa imbangan pembayaran dijangka menunjukkan lebihan yang rendah sebanyak 515 juta hnggit. Ini disebabkan terutama sekali oleh pertumbuhan import, selaras dengan keperluan pelaburan. Walau bagaimanapun, paras rizab luar negeri dijangka berada pada tahap yang memuaskan dan cukup untuk membiayai keperluan import negara selama 5.2 bulan.

**Penutup**

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berjaya dalam usaha memulihkan ekonomi negara, dan mencatatkan suatu kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. la akan membolehkan ekonomi Malaysia menghadapi cabaran-cabaran dalam tahun sembilan puluhan dengan lebih yakin. Kejayaan kita memulihkan ekonomi negara telah pun diakui oleh semua pihak, termasuk mereka yang pada suatu ketika dahulu mempunyai

pandangan negatif terhadap keupayaan kita. Ekonomi dipulihkan bukan kerana kita bernasib baik. la adalah hasil beberapa dasar yang tegas dan berani yang dilaksanakan oleh Kerajaan. *(Tepuk)* Ada di antara dasar ini yang tidak popular, yang menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan beberapa pihak. Tetapi bukanlah hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar yang popular, sehingga kedudukan kewangan negara terjejas. Kerajaan tidak akan berganjak dari melaksanakan dasar-dasar yang baik dan berfaedah kepada rakyat. Kerajaan ini adalah Kerajaan yang bertanggungjawab. *(Tepuk)*

Walaupun kadar pertumbuhan dalam tahun 1988 menggalakkan, kita tidak harus berpuashati dengan kejayaan yang telah dicapai. Banyak lagi yang perlu kita lakukan bagi mempergiatkan perkembangan ekonomi dan mengurangkan pengangguran. Perlulah ditegaskan bahawa tidak ada jalan mudah dan singkat bagi mencapai sesuatu kejayaan, melainkan dengan bekerja kuat dan berusaha bersungguh-sungguh. Di samping itu, kita juga perlu belajar daripada mereka yang telah berjaya dan sanggup belajar dari kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh kita dan orang lain. Dengan cara ini sahajalah kita dapat maju.

Kejayaan yang telah kita capai sekarang adalah hasil sokongan, pengorbanan dan kerjasama semua pihak yang setia. *(Tepuk)* Kerajaan sahaja tidak mampu menghasilkan pemulihan ekonomi. Oleh itu, Kerajaan merasakan hasil kejayaan yang dicapai perlu dinikmati bersama. Atas hakikat inilah, Belanjawan dirangka untuk memberi faedah kepada semua pihak. lanya merupakan Belanjawan untuk penduduk di kampung dan bandar, kakitangan Kerajaan, pekerja-pekerja, peniaga-peniaga dan lain-lain golongan masyarakat. Walau bagaimanapun, daiam kita menikmati kejayaan ini, kita tidak harus lupa betapa perlunya disiplin kewangan dan pengurusan ekonomi yang cekap dan berhati-hati.

Oleh itu, perbelanjaan tidak akan dibenarkan bertambah dengan banyak, kerana ini akan menjejaskan kedudukan imbangan akaun semasa Kerajaan Persekutuan yang dijangka mencatatkan lebihan yang kecil sahaja pada tahun hadapan. Walaupun hutang negara telah dapat dikawal, ia masih lagi tinggi. Kita hendaklah seboleh-bolehnya berbelanja mengikut kemampuan tanpa bergantung sangat kepada hutang.

Kita mesti peka terhadap perubahan pesat yang berlaku di dalam ekonomi dunia dan di sekeliling kita. Perubahan ini bukan sahaja menimbulkan cabaran-cabaran, tetapi juga mewujudkan peluang-peluang kepada kita. Pengurus-pengurus kita perlu sedar akan perkembangan ini dan membuat penyesuaian yang pertu. Dalam penilaian akhir, kualiti pengurusanlah yang akan menentukan sama ada kita berjaya. Dalam hubungan ini, sukatah saya tegaskan betapa pentingnya pengurus-pengurus kita sentiasa cekap dan dinamis, di samping jujur dan amanah. Mereka hendaklah sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dan negara melebihi kepentingan diri sendiri. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, potensi kita untuk terus maju adalah amat cerah sekali. Negara kita adalah kecil, tetapi kaya dengan sumber-sumber asli. Kita patut bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala, kerana negara kita tidak ditimpa malapetaka. Kadang-kadang kita terlupa nikmat yang dikurniakan Allah. Oleh kerana itulah ada di antara rakyat kita yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang

tidak produktif. Tidak banyak negara di dunia yang dapat menandingi kita dari segi sumber-sumber asli. Prospek permintaan bagi sumber-sumber ini dalam jangkamasa panjang adalah baik. Tetapi kita harus sedar bahawa kejayaan kita banyak bergantung kepada usaha kita sendiri. Kita tidak boleh mengharapkan orang lain menolong kita. Kita hendaklah berdikari. Jika sumber-sumber diuruskan dengan cekap dan dasar-dasar yang berkesan dilaksanakan, kita boleh menandingi sebarang negara di rantau ini.

Kita tidak boleh hergantung kepada penjualan barangan utama semata-mata di dekad-dekad yang akan datang. Barangan ini perlu diproses dan asas sektor perindustrian perlu diperluaskan bagi mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan. Untuk meningkatkan pendapatan negara, kita perlu mengeksport lebih banyak lagi barang perkilangan. Masa depan kita bergantung kepada sektor ini. Kita perlu menerokai pasaran-pasaran baru dengan menjual barang-barang ketuaran kita pada harga yang kompetitif. Dalam hubungan ini, kita perlu meningkatkan lagi kecekapan dan mengurangkan kos pengeluaran.

Tetapi syarat terpenting sebelum kita dapat mencapai kejayaan yang besar, ialah perpaduan dan kestabilan *(Tepuk).* Malah ramai yang berpendapat bahawa sekiranya kita mengurangkan percakaran antara satu sama lain, kita mampu mencapai kejayaan yang lebih besar lagi *(Tepuk).* Saya gembira kerana kini terdapat tanda-tanda rakyat Malaysia sedar implikasi buruk dari percakaran ini. Kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Kecil Parit Raja semalam *(Tepuk)* membuktikan rakyat menyokong penuh usaha Kerajaan *(Tepuk)* untuk menyatu-padukan rakyat demi kestabilan dan kemakmuran negara.

Sudah banyak negara di dunia yang mengalami masalah ekonomi dan politik, kerana perpecahan di kalangan rakyatnya. Marilah kita belajar dari sejarah dan pengalaman negara-negara lain. Dengan itu sahajalah kita dapat mencapai kejayaan yang lebih besar.

Matlamat Kerajaan ialah untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih makmur, adil dan aman. Oleh itu, kita hendaklah memberhentikan kegiatan menabur fitnah di dalam dan luar negeri *(Tepuk).* Sebelum ini pun kita mempunyai perbezaan pendapat, tetapi kita tidak melemparkan tuduhan-tuduhan liar yang tidak berasas *(Tepuk).* Rakyat tidak harus diracuni oteh fitnah dan pelabur asing perlu diberi gambaran yang tepat dan betul *(Tepuk)* tentang perkembangan-perkembangan di negara yang kita cintai. Fitnah-memfitnah tidak diredhai oleh Allah *(Tepuk).* Kita harus ingat bahawa amat senang sekali memusnahkan apa yang kita ada. Tetapi membina balik sesuatu itu adalah satu perkara yang amat sukar. Oleh itu, kita harus berhati-hati dan waspada, dalam apa jua yang dilakukan, demi menentukan masa hadapan yang lebih cerah untuk anak cucu kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan *(Tepuk).*

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

**Dato' Paduka Daim Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari $7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan di atas kedua-dua masatah ini akan dimulakan pada hari Selasa, 25hb Oktober, 1988, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (2).

Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari Selasa, 25hb Oktober, 1988 *(Tepuk).*

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.15 petang.*

LAMPIRAN I

**Kajian semula struktur cukai syarikat**

Pada masa ini, syarikat-syarikat adalah tertakluk kepada cukai pendapatan (40%) dan cukai pembangunan (5%). Sebagai langkah untuk mewujudkan kadar cukai yang kompetitif dan meningkatkan pelaburan, adalah dicadangkan supaya:

(i) kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan daripada 40 peratus kepada 35 peratus;

(ii) kadar cukai bagi bukan pemastautin dikurangkan dari 40 peratus kepada 35 peratus berikutan daripada pengurangan ke atas kadar cukai pendapatan syarikat;

(iii) memandangkan badan amanah, wasi bagi seseorang individu yang pada masa kematiannya bermastautin di luar Malaysia, dan seseorang penerima adalah dikenakan cukai pada kadar 40 peratus seperti juga bagi seseorang bukan pemastautin, kadar bagi kategori ini juga dikurangkan kepada 35 peratus berikutan dari pengurangan cukai ke atas individu bukan pemastautin;

(iv) dividen yang diterima oleh pemegang-pemegang saham dalam tahun 1988 akan dianggap telah dibayar cukai pada peringkat puncanya pada kadar 35 peratus; dan

(v) cukai pembangunan dimansuhkan secara berperingkat-peringkat dengan pengurangan sebanyak 1 peratus mulai tahun taksiran 1990.

Cadangan-cadangan (1), (ii), (iii) dan (iv) berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1989.

LAMPIRAN II

**Kajian semula perbelanjaan keraian sebagai perbelanjaan yang dibenarkan**

